

03 SEP 1998

KASTAM-RINGGIT/I

KASTAM AKAN PERKENAL MEKANISMA MUDAH PERIKSA KEMASUKAN RINGGIT

Oleh: Nurhammad Nor

LANGKAWI, 3 Sept (Bernama) -- Jabatan Kastam dan Eksais akan memperkenalkan mekanisma mudah bagi mereka yang mahu membawa masuk ringgit ke dalam Malaysia sebelum tarikh 1 Oktober.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah hari ini berkata Bank Negara telah memberitahu Jabatan itu bahawa mereka diberikan kepercayaan memastikan kelicinan kemasukan matawang tempatan ke dalam negara melalui semua pintu masuk.

"Pegawai-pegawai kastam akan memastikan ringgit kembali ke Malaysia dengan mudah," katanya kepada pemberita selepas membuka Mesyuarat Sesi Ketiga Jawatankuasa Kecil Mengenai Prosedur Kastam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik, di sini.

Bagaimanapun, Wong berkata, pelaksanaan mekanisma yang berkesan akan mengambil masa kerana ia masih baru dan kastam terpaksa mengkaji pelbagai aspek termasuk keselamatan, borang dan prosedur.

Beliau juga berkata pihak berkuasa kastam akan mengadakan kempen kesedaran untuk mendidik orang ramai mengenai langkah itu bagi memastikan semua pelawat dan pelajar di luar negara memahami keadaan ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas mengumumkan beberapa langkah untuk mendapatkan semula kebebasan kewangan dan mengasingkan ekonomi Malaysia daripada prospek ekonomi dunia dan kegawatan kewangan yang semakin meruncing.

Di bawah langkah-langkah itu, daripada 1 Oktober, ringgit boleh diniagakan hanya di dalam negara dan mereka yang memiliki ringgit di bank-bank luar negara telah diminta membawa balik ringgit kerana ia tidak lagi sah diperlakukan di luar negara selepas tarikh itu.

Sejajar dengan langkah itu, Wong berkata kastam juga akan bersedia menghadapi keadaan berbeg-beg ringgit dibawa pulang jika pemiliknya tidak mahu menggunakan pemindahan wang menerusi bank.

Wong juga berkata beliau tidak menjangkakan pasaran gelap ringgit akan muncul di dalam negara pada masa akan datang walaupun terdapat kebimbangan di kalangan pihak-pihak tertentu dan penganalisis kewangan.

Beliau berkata kementerian juga sedar dengan kelemahan yang muncul timbul berikuta langkah menetapkan kadar ringgit pada RM3.80 bagi setiap dolar AS.

Bagaimanapun, Wong berkata dengan sistem pengawasan yang berkesan dan bantuan semua pihak, sektor awam dan swasta, kerajaan tidak menjangkakan sebarang perdagangan ringgit di pasaran gelap.

-- BERNAMA

NH JR MA